

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 6 APRIL 2011
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib
Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yg Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku
Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan
UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan
Universiti Malaysia Perlis yang dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

Hadirin sekalian,

Marilah kita bersama-sama mengucapkan syukur di atas limpahan rahmat olehNya Yang Maha Esa kerana masih membenarkan kita untuk terus bernafas di bumiNya ini. Saya berdoa semoga dikesempatan yang ada ini kita dapat berkongsi pelbagai maklumat positif. Semoga maklumat positif ini akan memberikan kita tenaga atau aura untuk kita gunakan dalam melaksanakan tugas harian kita dengan lebih baik. Amin.

Ladies and gentlemen,

It has been a while since we last gathered here. I believe this is due to the time constraint and the increasing workload. Alhamdulillah today, with the blessing of Allah S.W.T, we are able to be here again. I have a lot of things to share with you this morning.

In less than five months, mother nature was unkind to us again. March 2011, stood before us, the unexpected event, unwillingly we faced the same natural disaster - flood. The memory of November 2010 is still fresh in our minds. We

would never imagine facing floods again this soon. It is a strange phenomenon. And I believe, the Almighty Allah S.W.T is sending us signs that the world is getting older. I know many of you were affected by the recent flood. So, please allow me to take this opportunity to convey my deepest condolence to you. To all UniMAP staff, I have already formed a committee to get the list of people who been affected by the flood. InsyaAllah, we will try our best to help in easing your burden.

Hadirin sekalian,

Walau dalam apa jua situasi yang melanda, saya berasa amat bangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh warga UniMAP yang prihatin. Saya percaya ini adalah pengaruh daripada Tuanku Canselor UniMAP sendiri yang mahukan UniMAP memberi khidmat bakti bukan sahaja kepada warganya malah kepada masyarakat negeri Perlis juga. Ini terbukti kerana sepanjang bencana banjir yang melanda Perlis, pelbagai program CSR (Corporate Social Responsibility) telah dilaksanakan.

Di sini ingin saya kongsikan maklumat berkaitan program CSR yang telah UniMAP jalankan. Pada 29 Mac 2011 yang lalu, Tuanku Canselor UniMAP, DYTm Tuanku Syed Faizudin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajudin Jamalullail dan Pro-Canselor UniMAP, DYTm Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil telah berkenan berangkat dan bersama-sama

para pelajar 300 pelajar ko-kurikulum UniMAP seperti Jabatan Pertahanan Awam, Pasukan Latihan Pegawai Simpanan dan Kor Sukarelawan Siswa Siswi kita bergotong-royong membersihkan Sekolah Tengku Budriah di Arau.

Antara tugas yang dilaksanakan adalah membersihkan bilik darjah, makmal, bilik kegiatan guru, pejabat dan ruang koridor. Selain itu ada juga kumpulan pelajar yang ditugaskan mengutip sampah sarap yang dihanyutkan air banjir di sekitar kawasan sekolah serta membersihkan lumpur di jalan. Lebih bermakna kerana hasrat murni kita ini mendapat sokongan pihak PIBG sekolah tersebut. Hal ini kerana aktiviti di sekolah ini turut disertai oleh Guru Besar, Encik Rosle Isha, guru-guru dan ahli-ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah.

Dalam program itu juga, Tuanku Canselor bertitah menyarankan agar penubuhan pasukan sukarelawan pelajar - "Students Voluntary Army" (SVA) seperti yang ditubuhkan oleh kumpulan mahasiswa di Christchurch, New Zealand ketika Negara itu dilanda gempa bumi pada bulan lepas turut ditubuhkan di UniMAP. InsyaAllah, saya berhasrat agar para pelajar UniMAP yang menyertai ko - kurikulum Khidmat Masyarakat seperti Kor Sukarelawan Siswa Siswi (SUKSIS), Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Persatuan Pengakap, Bomba dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia akan

dipertanggungjawabkan untuk memikul amanah besar ini sekira berlakunya bencana alam di negeri Perlis ini.

Sekalung penghargaan saya titipkan buat Pengarah Pusat Ko – Kurikulum UniMAP, Encik Ahmad Fahmi Mahmood kerana berjaya menggerakkan program CSR ini. Berikan tepukan yang gemuruh buat beliau. Program CSR ini dilaksanakan bukan sahaja untuk membantu warga UniMAP dan penduduk setempat tetapi ianya bertujuan mendedahkan pelajar dengan musibah dan situasi cemas yang berlaku dan pada masa sama membolehkan para pelajar mempraktikkan ilmu yang telah mereka pelajari sepanjang mengambil subjek tersebut.

Tidak ketinggalan, kita juga turut mengadakan aktiviti memasak secara bergotong-royong di Kampus UniMAP Kubang Gajah untuk diedarkan kepada mangsa banjir yang terdiri daripada staf UniMAP dan juga mangsa banjir yang ditempatkan Pusat Penempatan Sementara Banjir Sekolah Kebangsaan Sena. Aktiviti memasak ini diketuai oleh Jabatan Keselamatan UniMAP dan dibantu oleh kakitangan Pusat Sukan UniMAP. Sesungguhnya, saya berasa kagum dengan komitmen staf keselamatan dan pusat sukan kita. Mereka ini senantiasa bersedia menghulurkan bantuan tidak kira dalam apa situasi pun. Inilah staf-staf contoh UniMAP. Tahniah dan syabas. Semoga kerja ikhlas anda ini akan mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. Amin.

Selain itu, pasukan CSR kita dari Kolej Kediaman di Kg. Wai dan Simpang Empat pula turut membantu membersihkan kawasan rumah staf kita yang terlibat. Manakala sekumpulan lagi membantu membersihkan Kolej Kediaman Wang Ulu yang menempatkan lebih 4,000 mahasiswa/i UniMAP. Namun program CSR di Kolej Kediaman tersebut lebih berfokuskan memberi bantuan makanan. Hal ini kerana, para pelajar kita dikawasan tersebut telah terputus hubungan dengan kawasan luar ekoran dari banjir yang melanda dan ini sekaligus menyukarkan mereka untuk mendapatkan makanan harian. Oleh itu, kita bersepakat untuk menyalurkan bantuan makanan kepada semua pelajar UniMAP yang menjadi mangsa banjir ini. Lebih bermakna lagi, semua persediaan memasak termasuk dari peringkat menyediakan bahan mentah telah dilaksanakan sepenuhnya oleh pasukan CSR mahasiswa/mahasiswa UniMAP.

Saya dapati ekoran banjir yang melanda negeri ini, semua aktiviti pengajaran, pembelajaran dan sukan telah kita tangguh. Namun Alhamdulillah, selepas seminggu peristiwa ini berlalu, kita sudah kembali menjalankan kegiatan harian kita seperti biasa. Saya berharap agar semua aktiviti yang tertangguh ini akan dilaksanakan dengan segera.

Hadirin sekalian,

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada para pemenang dan semua staf yang mengambil bahagian dalam Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP ke - 7 baru-baru ini. Saya mendapat makluman bahawa lima atlit yang telah dinobatkan sebagai olahragawan dan olahragawati bagi kategori pelajar dan staf adalah wajah-wajah baru yang mewarnai kejohanan ini. Berikan tepukan yang gemuruh kepada :-

- Olahragawan Staf Lelaki Senior – Mohd. Hafiz Mansor
- Olahragawan Staf Wanita Senior – Norhaslinda Md Husin
- Olahragawan Staf Veteran Lelaki – Abdul Rasid Mahamoud
- Olahragawan Staf Veteran Wanita – Nor Izzati Abdullah
- Olahragawan Pelajar – Kamaruzzaman Mohamad Awang
(PELAJAR)
- Olahragawati Pelajar – Suraya Idris **(PELAJAR)**

Tahniah juga diucapkan kepada pasukan Kuning (Jabatan Canselori, Jabatan Pembangunan dan Perpustakaan) yang berjaya mendapat kutipan mata tertinggi, dan memungut pingat emas tertinggi bagi kategori staf dan pasukan Biru Muda bagi kategori pelajar yang berjaya mendapat mata tertinggi. Saya berharap agar kejohanan yang kita anjurkan ini akan menjadi medan untuk kita mencungkil bakat-bakat terpendam yang ada dalam diri kita seterusnya mengangkat nama UniMAP megah dipersada sukan negara. InsyAllah.

Sebelum terlupa, saya ingin menyeru kepada semua staf yang mengambil bahagian dalam Kejohanan Sukan Staf antara Zon UniMAP kali ke-2 yang dijangka akan diadakan bermula 26 hingga 30 April 2011 ini supaya mempamerkan permainan yang terbaik bagi mengalahkan lawan masing-masing. Tidak dinafikan bahawa anda semua adalah bersahabat, tetapi jangan disebabkan persahabatan itu anda mengambil sikap sambil lewa dalam pertandingan yang anda sertai. Berjuanglah sehabis baik. Di luar kita adalah kawan tetapi dalam pertandingan, kita adalah persaingan. Oleh itu, kepada semua staf yang menyertai badminton campuran, bola jaring (W/L), bola sepak veteran, bola tampar (W/L), bola tampar pantai (L), futsal (L/W/V), Dart campuran, karom campuran, ping pong campuran, sepak takraw berpasukan, tennis campuran, berbasikal (L/V), dan tarik tali, lakukan persiapan secukupnya dan hadapilah lawan anda dengan semangat juang yang tinggi.

Hadirin sekalian,

Pada 28 Mac 2011, satu Majlis Penyerahan Telefon Pintar Blackberry Celcom kepada pihak Pengurusan dan Pegawai Kanan Universiti Malaysia Perlis telah diadakan di Dewan Keikhlasan Tingkat 10 KWSP. Saya berhasrat untuk mewujudkan komunikasi tanpa sempadan antara staf UniMAP walau di mana anda berada. Saya berpendapat, pakej Blackberry Celcom yang ditawarkan ini amat sesuai untuk

membantu staf UniMAP berhubung dengan lebih efektif antara satu sama lain. Maklumat-maklumat yang disalurkan melalui e-mail juga dapat dibaca dan diambil tindakan segera walaupun staf berada di luar pejabat. Seramai 72 orang telah mengambil pakej ini dan saya berharap agar jumlah yang mengambil pakej ini akan lebih meningkat selepas ini. Hal ini kerana, pihak celcom telah memperuntukan 400 telefon blackberry. Antara kemudahan telefon pintar Blackberry Celcom yang saya rasakan menarik dan membantu dalam penjimatan kos adalah:

- o Masa berbual percuma selama 50 jam sebulan antara semua kakitangan dan keluarga UniMAP yang mendaftar bagi pakej ini serta 300 sms percuma dalam rangkaian Celcom.
- o disamping E-mail dan Internet tanpa had dengan “*High Speed Rate*” (HSDPA).

Oleh itu, kepada semua staf yang berhasrat untuk menggunakan telefon blackberry ini, boleh menghantar permohonan kepada Jabatan Bendahari dengan segera.

Persembahan dekorasi, menggunakan buah ceri,

Di tata hias oleh, pereka selektif,

Pakat-pakatlah, menggunakan blackberry,

Senang berhubung, dengan lebih efektif.

**Bencana alam melanda, sebagai ujian,
Buat ingatan, kepada hambaNya,
Janganlah kita, meratapi keadaan,
Banyakkan beribadah, tawakal kepadaNya.**

Sekian. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.